

# Sunway REIT untung RM91.9 juta

 [bharian.com.my/bisnes/korporat/2022/11/1027482/sunway-reit-untung-rm919-juta](https://bharian.com.my/bisnes/korporat/2022/11/1027482/sunway-reit-untung-rm919-juta)



Pusat beli-belah Sunway Carnival Mall adalah antara portfolio Sunway REIT

Pusat beli-belah Sunway Carnival Mall adalah antara portfolio Sunway REIT

KUALA LUMPUR: Sunway REIT mencatat keuntungan bersih RM91.9 juta dalam suku ketiga 2022 berakhir 30 September 2022, berbanding RM41.1 juta bagi tempoh sama 2021, didorong terutamanya oleh peningkatan ketara dalam segmen runcit serta hotel.

Perolehan hasilnya melonjak 56 peratus tahun ke tahun kepada RM166.2 juta bagi suku berkenaan daripada RM106.9 juta dalam suku sama tahun lalu, disebabkan oleh peningkatan dalam semua segmen perniagaan.

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia, syarikat itu berkata pendapatan hartanah bersih (NPI) melonjak 82 peratus tahun ke tahun kepada RM128.2 juta pada suku ketiga 2022 daripada RM70.5 juta dalam suku sama, tahun lalu.

Sementara itu dalam satu kenyataan berasingan, syarikat itu berkata segmen runcitnya terus mencatat momentum kukuh, didorong oleh jualan runcit yang menggalakkan, kedudukan runcit lebih baik serta sumbangan pendapatan baharu daripada bahagian baharu pusat beli-belah Sunway Carnival Mall yang dilancarkan pada 24 Jun 2022.

"Hasil meningkat 70 peratus tahun ke tahun daripada RM64.9 juta dalam suku kelima tempoh kewangan 2021 kepada RM110.3 juta pada suku ketiga 2022.

"NPI bagi segmen runcit melonjak 120 peratus tahun ke tahun kepada RM80.5 juta dalam suku ketiga 2022 daripada RM36.6 juta dalam suku sama sebelum ini," katanya.

Menurutnya, sejajar peralihan ke fasa endemik, segmen hotel mencatat peningkatan kadar purata penginapan menggalakkan bagi suku di bawah kajian yang dipacu oleh pembukaan semula Sunway Resort Hotel secara berperingkat.

"Hasil bagi segmen hotel meningkat daripada RM6.2 juta dalam suku kelima 2021 kepada RM18.4 juta dalam suku ketiga 2022 dan NPI meningkat daripada RM4.2 juta dalam suku kelima kepada RM17.5 juta dalam suku ketiga 2023.

"Ini mewakili pertumbuhan hasil dan NPI masing-masing sebanyak 198 peratus tahun ke tahun dan 315 peratus," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Sunway REIT Management Sdn Bhd, Datuk Jeffrey Ng, berkata pihak pengurus Sunway REIT juga berpuas hati dengan kelangsungan momentum yang didorong oleh jumlah serta jualan runcit.

"Prestasi kewangan Sunway REIT itu turut dipacu oleh pelaksanaan inisiatif penambahbaikan yang telah kami jalankan sejak dua hingga tiga tahun lepas yang mula menjana pendapatan tambahan bagi portfolio berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut memantau perkembangan makroekonomi yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi, tekanan inflasi, kenaikan kadar faedah serta potensi impaknya terhadap prestasi kewangan Sunway REIT.

-BERNAMA